

Headline	Ubah secara psikologi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2012	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	39	ArticleSize	280 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 10,301	PR Value	RM 30,904



Penjara pusat pemulihan

# Ubah secara psikologi

>>Oleh Elrafaei Sapi

ahmadelrafaei@hmetro.com.my

**K**AJANG: "Suatu ketika dulu, penjara dianggap tempat mendera banduan kerana menggunakan kekerasan, tetapi kebelakangan ini, penjara kini menjadi pusat pemulihan yang melahirkan modal insan yang boleh berdikari," kata Timbalan Penguasa merangkap Penyelaras kursus Diploma Siswazah Sains Koreksional (DSSK), Maktab Penjara Malaysia, Hairol Hisham Mohd Harith.

Beliau berkata, pendekatan psikologi digunakan sebagai usaha melatih banduan di dalam penjara untuk persediaan menjalani kehidupan baru dan berdepan masyarakat selepas dibebaskan.

Berikutan itu, katanya, warden terlebih dulu diberi peluang mengikuti kursus berkaitan bidang psikologi seperti DSSK dalam membantu aspek mendisiplinkan banduan ketika bertugas.

"Psikologi penting dalam membantu banduan menjalani kehidupan baru di sebalik tirai besi

mahupun selepas dibebaskan. Malah, sistem parol masih digunakan untuk banduan yang berkelakuan baik dibebaskan lebih awal.

"Sistem parol turut memerlukan banduan itu mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) sebelum menjalani peperiksaan, ditemu bual dan dibebaskan awal tetapi masih diawasi pergerakan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan kursus DSSK dan Sijil Asas Pengurusan Penjara, di sini, semalam.

Seramai 23 pegawai berpangkat timbalan penguasa manakala 32 pegawai wadar berjaya menamatkan kursus DSSK dan Sijil Asas Pengurusan Penjara diraikan pada majlis itu.

Penyampaian diploma dan sijil disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah Penjara, Datuk Hassan Sakimon.

Kursus DSSK dengan kerjasama

Universiti Utara Malaysia (UUM) dijalankan selama sembilan bulan di Akademi Koreksional, Langkawi.

Hairol Hisham berkata, banduan yang tidak diterima anggota keluarga boleh menetap di Rumah Perantaraan yang sudah diwujudkan di setiap negeri dan diawasi pegawai parol.

Namun, katanya, Jabatan Penjara Malaysia (JPM) masih memberi keutamaan pada anggota keluarga agar bekas banduan diberi peluang kedua untuk memulakan hidup baru.

Sementara itu, penerima Anugerah Peserta Terbaik DSSK (Kategori Akademik), Mahadi Mustafa berkata, anugerah itu menjadi tonik pada dirinya untuk terus memberikan perkhidmatan cemerlang di JPM.

Headline	Ubah secara psikologi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2012	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	39	ArticleSize	280 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 10,301	PR Value	RM 30,904

